

MECD:LPKP/20/656/1 ()



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 7 TAHUN 2006**

**PELAKSANAAN SYARAT TAMBAHAN BAGI PERMOHONAN LESEN BARU
DAN MEMBAHARUI LESEN**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH : 26 DISEMBER 2006

SEMUA PENGUSAHA/PEMOHON LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN

PELAKSANAAN SYARAT TAMBAHAN BAGI PERMOHONAN LESEN BARU DAN MEMBAHARUI LESEN

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pemohon mengenai syarat tambahan bagi permohonan baru dan membaharui lesen.

LATAR BELAKANG

2. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai perancangan keperluan pengangkutan awam di kawasan masing-masing. Oleh itu, PBT mempunyai peranan besar dalam memastikan pengangkutan awam adalah cekap dan mencukupi.

3. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah menerima aduan daripada orang ramai mengenai kenderaan yang diletakkan di kawasan-kawasan yang mengganggu kehidupan dan lalulintas. Bagi mengatasi masalah ini, PBT dikehendaki mengenalpasti kawasan-kawasan/tempat-tempat yang boleh diletakkan kenderaan mereka.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

4. Mesyuarat Lembaga Bil. 15/2006 pada 22 Jun 2006 telah bersetuju meluluskan syarat-syarat tambahan bagi permohonan seperti berikut :

Permohonan Baru

- (i) Pemohon diwajibkan mengemukakan salinan Resolusi Pengarah yang telah disahkan oleh Setiausaha Syarikat berdaftar;

- (ii) pemohon lesen baru dan ubahsyarat sambung laluan bagi **semua kelas lesen Bas Berhenti-henti, Bas Ekspres, Bas Pengantara dan Bas Mini** diwajibkan mengemukakan Kajian Pasaran yang merangkumi justifikasi keperluan, peta laluan dipohon beserta maklumat lesen pengusaha lain (Nama syarikat, jumlah lesen/bilangan lesen) yang beroperasi di laluan yang sama; dan
- (iii) pemohon diwajibkan mengemukakan surat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai :
 - (a) tempat meletak kenderaan bagi bagi semua kelas lesen tanpa mengira jumlah lesen yang dipohon kecuali permohonan lesen teksi dan kereta sewa individu; dan
 - (b) perhentian/terminal bagi kelas lesen bas berhenti-henti, bas ekspres, bas pengantara dan bas mini.

5. Kelulusan hendaklah diperolehi dari Majlis Perbandaran bagi kawasan bandar; Pejabat Daerah bagi kawasan luar bandar dan Pihak Berkuasa Felda bagi kawasan tanah rancangan Felda. Peraturan ini juga terpakai setiap kali pemohon mengemukakan permohonan lesen tambahan.

Permohonan Membaharui Lesen

6. Pemohon diwajibkan mengemukakan salinan Resolusi Pengarah yang telah disahkan oleh Setiausaha Syarikat.

TARIKH KUAT KUASA

7. Arahan Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Februari 2007**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"USAHAWAN KERJAYA PILIHAN"

(ZAINUDDIN BIN AHMAD)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia

Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi
Malaysia

26 DISEMBER 2006

Salinan Kepada :

Ketua Pengarah

Jabatan Kerajaan Tempatan

Aras 4, Blok K, Pusat Bandar Damansara

Peti Surat 12579

50782 Kuala Lumpur

(u.p : Y. Bhg. Datin Arpah binti Abd. Razak)

Tel : 03-20947033

Faks : 03-20955180

Edaran Dalaman :

YB. Pengerusi LPKP

TKSU (P)

SUB (PM)

KPSU (LPKP) Ibu Pejabat

KPSU (LPKP) Wilayah Utara

KPSU (LPKP) Wilayah Selatan

KPSU (LPKP) Wilayah Timur

KPSU (LPKP) Wilayah Tengah

Sila pastikan arahan ini ditampal
pada papan kenyataan di Pejabat
LPKP Wilayah